

**BAB 7 : PENENTANGAN MASYARAKAT TEMPATAN**

<b>SOALAN ESEI - TINGKATAN 3</b>			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Tindak Balas Masyarakat Tempatan	<b>SK : 8.1 -</b> Penentangan Masyarakat Tempatan	<b>SP:</b> 8.1.1 , K 8.1.5

1. Masyarakat tempatan telah nekad menentang British dan penentangan tersebut telah dipimpin oleh pemimpin tempatan.(ms, 180-188)
- (a) Terangkan faktor yang membawa kepada kebangkitan penduduk tempatan menentang British. (6 Markah)
  - (b) Berjayakah pemimpin tempatan pada abad ke-19 menentang penjajah British?  
Beri penjelasan anda. (6 Markah)
  - (c) Bagaimanakah langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan semangat nasionalisme terhadap generasi masa kini? (8 markah)

<b>SOALAN ESEI - TINGKATAN 3</b>			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Tindak Balas Masyarakat Tempatan	<b>SK : 8.1 -</b> Penentangan Masyarakat Tempatan	<b>SP:</b> 8.1.3

2. Maklumat berikut merupakan strategi yang digunakan oleh masyarakat tempatan untuk menentang British di Perak. (ms 184-185)

Muafakat

- (a) Bagaimanakah masyarakat tempatan menggunakan strategi tersebut untuk menentang British? (6 Markah)
- (b) Masyarakat tempatan berjaya menentang British kerana mempunyai kubu pertahanan yang kuat. Jelaskan (6 Markah)
- (c) Strategi penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa luar perlu dimanfaatkan oleh generasi hari ini bagi membangunkan masyarakat negara kita.  
Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut (8 Markah)

<b>SOALAN ESEI - TINGKATAN 3</b>			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Tindak Balas Masyarakat Tempatan	<b>SK : 8.1 -</b> Penentangan Masyarakat Tempatan	<b>SP:</b> 8.1.2

3. Gambar berikut menunjukkan penduduk tempatan menghadiri perbicaraan bagi menyatakan sokongan kepada Haji Abdul Rahman Limpong.



- (a) Berdasarkan gambar di atas ,nyatakan kesan penguasaan undang-undang British terhadap masyarakat tempatan. (6 Markah)
- (b) Nyatakan kesan penjajahan British terhadap penduduk di tanah Melayu. (6 Markah)
- (c) Jelaskan peranan anda untuk mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air kita daripada diganggu- gugat oleh kuasa asing. (8 Markah)

**PANDUAN PENSKORAN –BAB 7 : PENENTANGAN MASYARAKAT TEMPATAN**

No. Soalan	Jawapan	Markah
1(a)	<p><b>Terangkan faktor yang membawa kepada kebangkitan penduduk tempatan menentang British.</b></p> <p>F1 Dasar campur tangan British      H1 Membawa kepada perubahan pentadbiran tempatan      F2 Pelaksanaan sistem cukai      H2 Naning perlu membayar cukai hasil tahunan sebanyak 1/10 kepada British      F3 Memperjuangkan kedaulatan tanah air      H3 British meluaskan kuasa ke wilayah sekitarnya      F4 Pembesar tempatan kehilangan kuasa/pengaruh      H4a kehilangan hak kutip cukai      H4b Residen British mengambil alih kuasa Sultan Syarif Masahor/Dato' Patinggi Abdul Ghafur/Dato'Syahbandar/Dato' Bahaman/Mat Salleh/Dol Said/Rentap      F5 Dituduh sebagai lanun di Sarawak      H5 menghapuskan petempatan orang Iban      F6 Semangat jihad      H6a Tok Janggut ingin mempertahankan kesucian Islam      H6b pelaksanaan cukai barat tidak mengikut syarak/Islam      F7 Dasar pentadbiran Barat      H7 Dato' Bahaman menentang pembinaan balai polis di Pahang      F8 Mencabuli adat resam orang Melayu      H8 nilai bertentangan dengan budaya tempatan      F9 Kesulitan penduduk tempatan      H9a Sistem pentadbiran dan peraturan Barat dipaksakan terhadap penduduk tempatan      H9b cukai tanah diperkenalkan      H9c peraturan tanah diperkenalkan      H9d rakyat terbeban dengan cukai/peraturan      H9e menyekat kebebasan rakyat untuk membuka tanah</p> <p style="text-align: right;"><b>(Mana-mana 6 X 1 m) (6 Markah)</b></p>	
1(b)	<p><b>Berjayahkah pemimpin tempatan pada abad ke-19 menentang penjajah British?</b>  <b>Beri penjelasan anda.</b></p> <p><b>Berjaya</b></p> <p>F1 Dol Said mengalahkan tentera British dalam serangan pertama      F2 Menggunakan taktik serangan gerila/menanam ranjau      F3 Mendapat kerjasama pemimpin berhampiran      F4 Dato' Bahaman menyerang dan menawan Lubuk Terua dan Jeram Ampai      F5 Menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai      F6 Brooke mengambil masa yang lama untuk menguasai Bukit Sadok      F7 Rentap berjaya mengusir James Brooke dari Kubu</p>	

	<p>F8 Nanga Skrang Mat Salleh berjaya memusnahkan kubu SBUB di Pulau Gaya/menawan Ambong</p> <p>F9 SBUB terpaksa menawarkan pelan damai F10 SBUB berjanji menyerahkan Tambunan kepada Mat Salleh F11 Dato' Maharaja Lela berjaya membunuh J.W.W Birch F12 Berjaya membina kubu pertahanan yang kuat</p> <p><b>ATAU</b></p> <p><b>Tidak Berjaya</b></p> <p>F13 1832 Dol Said dikalahkan/tidak mendapat sokongan pemimpin tempatan F14 Kampung Rentap dibakar oleh James Brooke F15 Rentap berundur ke Bukit Sadok F16 Mat Salleh gagal mempertahankan haknya F17 Dato' Maharaja Lela/Dato Sagor digantung F18 Sultan Abdullah/Raja Ismail/Ngah Ibrahim dibuang Negeri</p> <p><i>(Pilih satu pendirian sahaja, mana-mana 6 x 1m)</i></p>	<b>(6 Markah)</b>
1(c)	<p><b>Bagaimakah langkah yang boleh dilakukan untuk Meningkatkan semangat nasionalisme terhadap generasi masa kini?</b></p> <p>F1 Mengadakan sambutan Bulan Patriotisme F2 Mewajibkan penyertaan pelajar dalam unit beruniform di peringkat sekolah F3 Mengadakan program dialog antara pemimpin dan rakyat F4 Menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara F5 Mengadakan program lawatan ke tempat bersejarah F6 Menyertai kem bina semangat F7 Memperbanyakkan kempen kesedaran F8 Mengadakan pertandingan mencipta lagu patriotik</p>	<b>(mana-mana munasabah) (8 Markah)</b>

No. Soalan	Jawapan	Markah
2 (a)	<p><b>Bagaimanakah masyarakat tempatan menggunakan strategi tersebut untuk menentang British?</b></p> <p>F1 Penentangan di Perak  H1 Masyarakat tempatan menentang JWW Birch  F2 Pakatan sulit  H2a Antara sultan Abdullah, Ngah Ibrahim, Dato Maharaja Lela, Dato Sagor dan pembesar Melayu  H2b untuk menghapuskan JWW Birch  F3 Mesyuarat penting diadakan  H3 di Durian Sebatang  F4 Mereka yang hadir berjabat tangan dan mengangkat sumpah  H4 tidak akan memungkiri keputusan yang dicapai  F5 mengadakan mesyuarat di rumah Dato Sagor  H5 mereka bersumpah meminum air keris akan merahsiakan pakatan sulit itu  F6 mesyuarat khas diadakan pada waktu malam  H6 di istana sultan Ismail di belanja  F7 setelah mengadakan tujuh kali mesyuarat  H7 akhirnya mereka berjaya membunuh JWW Birch di Pasir Salak</p> <p style="text-align: right;"><b>(Mana-mana 6 X 1 m)</b></p>	<b>(6 Markah)</b>
2 (b)	<p><b>Masyarakat tempatan berjaya menentang British kerana mempunyai kubu pertahanan yang kuat. Jelaskan.</b></p> <p>F1 Yamtuan Antah  H1a berjaya mematahkan serangan British kerana kekuatan kubu di Paroi dan kubu Bukit Putus  H1b kedua-dua kubu semula jadi tersebut terlalu ampuh ditembusi oleh British  H1c kerana terletak di atas bukit yang tinggi  H1d terdapat halangan ranjau dan pokok tumbang di bahagian hadapan  H1e Kawasan kubu tersebut berbukit bukau dan dikelilingi oleh hutan tebal</p> <p>F2 Rentap  H2a berjaya mematahkan serangan keluarga Brooke sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 1857 dan 1858 kerana keutuhan kubu Bukit Sadok  H2b kubu Bukit Sadok terletak di Kawasan curam  H2c terletak di Kawasan perbukitan yang tinggi  H2d dikelilingi oleh hutan rimba dan bukit batu kapur  H2e terdapat halangan kayu belian setebal dua kaki yang tidak boleh ditembusi oleh peluru  H2f Rentap juga menggunakan Meriam "Bujang Timpang Berang" yang diperbuat daripada besi</p> <p>F3 Mat Sator  H3a mempunyai kubu yang dikenali sebagai Kota Mat Sator  H3b Kubu terletak di Kampung Kapayan Lama, Tambunan yang</p>	

	<p>terletak berdekatan dengan Kota Mat Salleh di Tibabar  H3c kedudukan kota ini strategik  H3d terletak di tebing Sungai Sunsuron yang membekalkan sumber air  H3e kota ini menjadi pusat tinjauan kegiatan British</p> <p style="text-align: right;"><b>(Mana-mana 6 X 1 m)</b></p>	<b>(6 Markah)</b>
2 (c)	<p><b>Strategi penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa Luar perlu dimanfaatkan oleh generasi hari ini bagi Membangunkan masyarakat negara kita. Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut.</b></p> <p>F1 Melindungi budaya bangsa negara  F2 Mempertahankan maruah/hak bangsa  F3 Mempercepatkan kemajuan dan pembangunan negara  F4 Mengelakkan ekonomi /politik /sosial dijajah  F5 Menjamin kesejahteraan hidup  F6 Mengelakkan perpaduan bangsa  F7 Bebas menentukan hala tuju negara  F8 Mengelakkan kebebasan tanpa dikawal  F9 Mengelakkan pemerintahan sendiri</p>	<p><b>(mana-mana munasabah)</b></p> <p style="text-align: right;"><b>(8 Markah)</b></p>

No. Soalan	Jawapan	Markah
3(a)	<p><b>Berdasarkan gambar di atas, nyatakan kesan penguasaan undang-undang British terhadap masyarakat tempatan.</b></p> <p>F1 Masyarakat diperkenalkan dengan cukai yang pelbagai            H1a Cukai tanah, hasil hutan dan tumbuh-tumbuhan            H1b Sebelum pentadbiran British kutipan cukai berdasarkan jumlah keluaran.            H1c Selepas kedatangan British, penduduk tempatan mesti melaporkan jumlah keluasan tanah padi yang mereka miliki.            H1d Semua pemilik tanah diwajibkan membayar cukai.            F2 Masalah untuk membayar cukai            H2a Lokasi jauh dari tempat tinggal            H2b Bayaran cukai hanya dibayar waktu pejabat            H2c Penduduk yang tak bayar cukai akan ditangkap.            F3 Bercanggah dengan nilai tempatan.            H3a Penduduk Terengganu memerlukan surat kebenaran untuk mengambil hasil hutan ,membuka tanah untuk pertempatan atau berhuma.            H3b Cukai mesti dibayar di pejabat tanah.            F4 Sistem pentadbiran Barat mengancam kehidupan sosial masyarakat tempatan.            F5 Pegawai Brooke di Semanggang mengenakan cukai terhadap orang Iban di Ulu Batang Lutar            H5a Rumah panjang yang dibina di kawasan sempadan Sarawak dengan Belanda di Kalimantan dimusnahkan.            H5b Cukai hanya dipungut di pusat pungutan di hilir sungai.            F6 Orang Murut di Sabah dilayan tidak adil            H6a Dilarang membuka tanah baharu untuk pertanian atau petempatan.            H6b Mereka dikenakan bayaran menyukat tanah            H6c Suami isteri dipaksa tinggal berasingan dan dipisahkan aliran sungai.            H6d Mereka dikenakan \$ 1 Dolar jika ingin berjumpa.</p> <p style="text-align: right;"><b>(Mana-mana 6 X 1 m)</b></p> <p style="text-align: right;"><b>(6 Markah)</b></p>	
3(b)	<p><b>Nyatakan kesan penjajahan British terhadap penduduk di tanah Melayu.</b></p> <p>F1 Kehidupan rakyat terjejas kerana dikenakan pelbagai jenis cukai            F2 Penduduk menghadapi masalah untuk membayar cukai kerana lokasi pejabat yang jauh.            F3 Penduduk yang gagal dan enggan membayar cukai akan ditangkap.            F4 British melaksanakan perubahan baharu dalam pentadbiran yang bertentangan dengan nilai tempatan.            F5 Kadar cukai tanaman dan ternakan yang dikenakan oleh British sangat tinggi dan membebankan penduduk tempatan.            F6 Semua pemilik tanah perlu bayar cukai walaupun tanah</p>	

	<p>tidak diusahakan.</p> <p>F7 Penduduk perlu mendapat surat kebenaran daripada British untuk mengambil hasil hutan, membuka tanah, membuka petempatan baharu atau berhuma.</p>	
3(c)	<p><b>Jelaskan peranan anda untuk mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air kita daripada diganggu- gugat oleh kuasa asing.</b></p> <p>F1. Berusaha untuk mengeratkan perpaduan kaum  F2. Tidak bekerjasama dengan kuasa asing.  F3. Menguasai ilmu teknologi dan pengetahuan moden  F4. Memelihara jati diri  F5. Terlibat dalam pasukan keselamatan  F6. Menjaga nama baik Negara ketika berada di luar Negara.  F7. Menguasai semua kemahiran yang ada agar setanding dengan rakyat negara maju.  F8. Tidak mudah terpengaruh dengan dakyah</p>	<p><b>(Mana-mana 6 X 1 m) (6 Markah)</b></p> <p><b>(mana-mana jawapan munasabah) (8 Markah)</b></p>